

Nur Izzati Abd Aziz @ Mughni
A-G-10 Blok A Kenanga Apartment
Taman Putra Perdana
47130 Puchong
SELANGOR DARUL EHSAN

Guru Besar
Sekolah Sri Al-Amin Cyberjaya
No. EG-3, Jalan GC 4
Glomac, Cyber 4
63200 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN

7 Ogos 2024

Tuan,

PERMOHONAN CUTI BERSEBAB

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya, Nur Izzati binti Abd Aziz @ Mughni (960114-11-5550), guru kontrak bagi Sekolah Sri Al-Amin Cyberjaya ingin memaklumkan bahawa saya tidak dapat hadir bekerja di sekolah pada tarikh **8 Ogos (Khamis) sehingga 9 Ogos 2024 (Jumaat)**.

3. Untuk pengetahuan pihak Tuan, kandungan saya disyaki mengalami keguguran terlepas (*missed miscarriage*) pada hari Sabtu yang lalu. Kandungan saya berusia 18 minggu dan disyaki meninggal dunia di dalam rahim secara tiba-tiba apabila doktor mengesan tiada degupan jantung bayi. Namun begitu, saya masih belum mengalami keguguran secara lengkap kerana janin masih berada di dalam rahim. Doktor meminta saya untuk memasuki wad sejurus mengetahui keadaan kandungan saya, tetapi saya memohon kepada doktor untuk pulang dan berehat di rumah. Doktor meminta untuk saya berehat (*bed rest*) di rumah dan tidak melakukan kerja-kerja berat bagi mengelakkan kesan sampingan.

4. Sehubungan dengan itu, saya ingin memohon jasa baik pihak Tuan untuk meluluskan permohonan cuti saya selama **dua (2) hari** kerana saya bimbang tidak dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru dengan baik jika saya masih datang bekerja seperti biasa. Saya berharap agar pihak tuan dapat memberikan pertimbangan dan mengambil maklum akan perkara ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Nur Izzati Abd Aziz @ Mughni
Guru Kontrak
Sekolah Sri Al-Amin Cyberjaya